

Dasar AMBD separuh pertama tahun 2020 dikeluarkan

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mengeluarkan Kenyataan Dasar AMBD bagi separuh pertama tahun 2020. Dalam kenyataan dasar tersebut, AMBD mengongsikan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi global dijangka akan menurun sebanyak 4.9 peratus bagi tahun 2020. Ekonomi domestik pula telah meningkat sebanyak 3.9 peratus tahun-ke-tahun pada 2019. AMBD meramalkan kadar inflasi domestik adalah dalam lingkungan 1 peratus ke 2 peratus bagi tahun 2020.

AMBD juga memaklumkan bahawa walaupun berada dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu, sektor perbankan negara terus kekal berdaya tahan pada suku pertama tahun 2020.

Dialok secara berterusan telah diadakan dengan pihak-pihak yang berkepentingan, termasuk Kementerian Kewangan dan

Ekonomi (MOFE) dan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) dalam menanggapi kesan penularan jangkitan wabak COVID-19 terhadap ekonomi negara.

Beberapa langkah interim telah diperkenalkan yang bertujuan untuk mengurangkan tekanan kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perniagaan serta individu-individu yang terkesan.

AMBD akan sentiasa memastikan kecairan yang mencukupi untuk memastikan sistem kewangan akan dapat terus berfungsi dengan baik menerusi pengenalan langkah-langkah tambahan pengurusan kecairan bagi bank-bank tempatan.

Sebagai komitmen AMBD untuk meningkatkan rejim pengawalseliaan bagi perlindungan pemegang-pemegang polisi insurans / Takaful di Negara Brunei Darussalam, AMBD telah mengeluarkan tiga notis dan garis panduan pada suku

pertama tahun 2020.

Ini termasuk garis panduan untuk menyediakan pelan pemulihan (*recovery plan*) bagi syarikat insurans dan pengendali Takaful; garis panduan pengedaran secara dalam talian bagi syarikat insurans dan pengendali Takaful dan garis panduan bagi pengedaran lebihan bagi pengendali Takaful.

AMBD juga mengeluarkan 'Notice on Providing Market Access to a Foreign Market' bagi pemegang-pemegang Capital Markets Services Licence pada 4 November 2019. Pemeriksaan *on-site* kali kedua telah selesai dijalankan dengan menggunakan metodologi penyeliaan berasaskan risiko (*risk-based supervision*) terhadap pengawalseliaan kapital *market intermediaries* pada suku pertama 2020.

Beberapa inisiatif di bawah Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025 sedang giat dijalankan. Ini, antara lainnya, termasuk penubuhan infrastruktur Payment Hub yang akan membolehkan para pengguna untuk membuat pembayaran secara digital.

Kerjasama dengan pihak berkepentingan seperti Majlis Ekonomi Digital akan sentiasa dilaksanakan untuk memastikan matlamat bagi projek tersebut adalah selaras dengan inisiatif-inisiatif negara.

Dengan pengeluaran notis mengenai pelan pemulihan bank pada 20 Disember 2019, bank-bank dikehendaki untuk menghadapi pelan pemulihan (*recovery plan*) masing-masing kepada AMBD sebelum 30 September 2020. Ini bertujuan untuk memastikan kesiapsiagaan bank-bank untuk sentiasa berdaya tahan dalam menghadapi sebarang

tekanan.

AMBD akan terus memantau perkembangan situasi COVID19 dan bekerjasama dengan institusi-institusi kewangan untuk mengenal pasti langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan perkhidmatan kewangan akan terus berfungsi secara teratur. AMBD juga bersedia untuk melaksanakan langkah-langkah tambahan, jika perlu, demi menjaga kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam. Kenyataan Dasar AMBD 1/2020 yang lengkap boleh didapati di Laman Sesawang AMBD di www.ambd.gov.bn.

Kursus Belajar Bahasa Al-Quran kini dibukakan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Pendaftaran Kursus Belajar Bahasa Al-Quran Sesi Ogos 2020 kini dibukakan bagi penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan juga orang ramai.

Kursus anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) itu, antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk mempelajari dan mempraktikkan kemahiran mendengar juga bertutur di dalam bahasa Arab.

Sebanyak tiga buah program dijalankan bagi kursus tersebut, iaitu Mari Belajar Bahasa Al-Quran (MBBQ), Program Kemahiran Bahasa Al-Quran (PKBQ) dan Program Tatabahasa Bahasa Al-Quran (PTBQ).

Bagi MBBQ, ia mempunyai empat modul, iaitu MBBQ I (A) : Kursus Al-Tamhidi; MBBQ I (B) : Kursus Al-Mubtadi; MBBQ II : Kursus Al-Mutawassit; dan MBBQ III : Kursus Al-Mutaqaddim, di mana yuran penyertaan bagi setiap modul ialah sebanyak BND80 bagi setiap peserta.

Sementara itu, bagi PKBQ pula, ia terbahagi kepada PKBQ 1 & 2, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur; dan PKBQ 3 & 4, Kemahiran Menulis dan Membaca.

Yuran penyertaan bagi setiap modul ini ialah sebanyak BND140 bagi setiap peserta.

Manakala bagi PTBQ pula, ia terbahagi kepada PTBQ 1 dan PTBQ 2, di mana yuran penyertaan ialah sebanyak BND140 bagi setiap peserta.

Tarikh mendaftar bagi Kursus Belajar Bahasa Al-Quran Sesi

Ogos 2020 ini adalah bermula dari 1 hingga 20 Julai 2020.

Program-program tersebut akan mula diadakan pada 7 Ogos 2020 selama 12 minggu bagi setiap modul, di mana akan diadakan setiap Jumaat dan / atau Ahad bermula 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui [link https://bit.ly/CALKBBQ](https://bit.ly/CALKBBQ) atau dengan mengimbas Kod QR yang disediakan.

Bagi sebarang maklumat dan pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Dayang Noorhizrah binti Mohammad menerusi talian +673 2462000 sambungan 202 / 204 atau e-mel ke noorhizrah.mohammad@unissa.edu.bn.



KURSUS AL-QUR'AN BELAJAR BAHASA

MARI BELAJAR BAHASA AL-QUR'AN (MBBQ)
YURAN : MBBQ - \$80 BAGI SETIAP MODUL

- MBBQ I(A) : KURSUS AL-TAMHIDI
- MBBQ I(B) : KURSUS PENGENALAN (AL-MUBTADI)
- MBBQ II : KURSUS PERTENGAHAN (AL-MUTAWASSIT)
- MBBQ III : KURSUS LANJUTAN (AL-MUTAQADDIM)

PROGRAM KEMAHIRAN BAHASA AL-QUR'AN (PKBQ)
YURAN : PKBQ - \$140 BAGI SETIAP MODUL

- PKBQ I & II : MENDENGAR & BERTUTUR
- PKBQ III & IV : MENULIS & MEMBACA

PROGRAM TATABAHASA BAHASA AL-QUR'AN (PTBQ)
YURAN : PTBQ - \$140 BAGI SETIAP MODUL

- PTBQ I
- PTBQ II

UNTUK PENDAFTARAN

SCAN ME

07 TARIKH MULA PROGRAM
OGOS 2020

01-20 TARIKH PENDAFTARAN
JULAI 2020

TEMPOH PROGRAM
DURASI : 12 MINUTU BAGI SETIAP MODUL
SETIAP HARI JUMAAT ATAU / DAN AHAD
JAM 8.30 PAGI HINGGA 10.30 PAGI

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat
Centre for Leadership and Lifelong Learning
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE 1310
Negara Brunei Darussalam

246 2000 ext 204/202
+673254374 (Telefon / Whatsapp)
CAL@unissa.edu.bn
www.unissa.edu.bn



Sebagai Majikan, Awda perlu:

1 AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

2 GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barangan peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3 NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

4 LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkapkan tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

123 www.moh.gov.bn